Atas pendapat ini, pihak si pemohon berhak kepada permintaan yang dipohonnya tetapi saya berharap dia akan menggunakan fikirannya untuk menimbangkan sama ada dia sanggup dengan cara berkesan melaksanakan perintah untuk mentadbirkan harta pusaka itu sebelum mendapat surat kuasa pentadbiran harta isterinya. Dalam hal ini, anggapan saya berbeza daripadanya dan saya berpendapat bahawa dia boleh memohon dan mendapat surat kuasa itu meskipun dalam keadaan pengetahuannya sekarang ini.

Tentang kos, pihak menentang kedua yang jelas berpendirian dengan fikiran terbuka dan bersedia mengakui kebenaran, apakala dihadapkan dengan keterangan, patutlah berhak supaya kosnya dibayar daripada pusaka itu dan saya perintahkan sedemikian. Pihak menentang pertama tidak menunjukkan sikap ini dan dia tidak berkecenderungan mengakui apa yang sebetulnya tidak mudah dinafikan olehnya. Dia sendiri akan membayar kos bagi pihak si pemohon.

*Perintah berikutan.*

Peguamcara: *Subbiah & Co.; Kanda & Co.; K. Ahmad & Yong.*

---

## HAJI EMBONG BIN IBRAHIM & LAIN-LAIN lwn. TENGKU NIK MAIMUNAH BINTI ALMARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN & SEORANG LAGI*

**[M.P. (Raja Azlan Shah H.B. (Malaya), Syed Othman dan Salleh Abas HH.P.) September 1hb. 1979]**

**[Kota Bharu — Mahkamah Persekutuan Rayuan Sivil Bil. 68 Tahun 1975]**

*Undang-undang Islam — Wakaf Khas — Keesahan mengenainya — Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-Orang Islam, 1972 — Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Trengganu 1955, s. 61.*

Di dalam kes ini pihak menentang pertama pada 13hb. Jun 1961 membuat suatu dokumen yang dikatakan menjadi suatu wakaf dengan mana dia membuat beberapa pembahagian untuk faedah saudara-maranya dan orang-orang lain dengan suatu peruntukan terakhir kepada beberapa badan ugama dan kebajikan. Kemudiannya dia telah menulis kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Ugama Trengganu, untuk membatalkan wakaf itu. Dia juga telah melaksanakan suatu dokumen yang dikatakan menyerahkan bahagiannya di dalam Konsessi Cenderong kepada pihak menentang kedua. Kemudian dia membawa suatu guaman untuk mendapatkan suatu perisytiharan bahawa yang dikatakan wakaf tersebut itu adalah terbatal. Hakim Harun di dalam Mahkamah Tinggi [1979] M.L.J. 257 memutuskan bahawa wakaf itu sah, tetapi hanya setakat ⅓ daripada harta wakaf. Tiga orang yang berhak menerima faedah dari wakaf itu telah merayu menentang keputusan itu dan mendakwa bahawa wakaf itu sah keseluruhannya dan bahawa had ⅓ itu hanya terpakai kepada suatu wakaf yang dibuat melalui wasiat atau dibuat sewaktu sakit hampir-hampir mati. Sebaliknya pihak-pihak menentang memasukkan suatu rayuan balas menghujjah bahawa wakaf itu seluruhnya tidak sah.

**Diputuskan,** membenarkan rayuan: (1) Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam, 1972, mempunyai kesan kebelakangan dan dipakai kepada wakaf di dalam kes yang sekarang ini;

(2) wakaf di dalam kes ini sah oleh kerana (i) ia menguruskan bukan sahaja mengenai pendapatan atau keuntungan daripada Konsessi Cenderong tetapi juga tanah itu sendiri; (ii) pindahan kepada orang-orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris adalah sah di bawah undang-undang Islam dan diselamatkan oleh seksyen 2(3) Enakmen itu;

(3) had ⅓ yang terkandung di dalam seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1955 hanya terbatas kepada wakaf atau nazar melalui wasiat dan hadiah sewaktu sakit hampir-hampir mati, tidak boleh dipakai kepada wakaf di dalam kes yang sekarang ini.

*Kes-kes rujukan:-*

(1) *Commissioner for Religious Affairs* v. *Tengku Mariam* [1969] 1 M.L.J. 110; [1970] 1 M.L.J. 222.

(2) *Abdul Fata Mahomed Ishak* v. *Russomoy Dhur Chowdhury* (1894) 22 I.A. 76; I.L.R. 22 Cal. 619.

(3) *Fatimah* v. *Mohamed bin Salim* [1952] A.C. 1.

(4) *Mohamed Ahsanullah Chowdhry* v. *Amarchand Kundu* (1889) 17 I.A. 28; I.L.R. 17 Cal. 498.

(5) *Ismail Haji Arat* v. *Umar Abdulla & Anor.* A.I.R. 1942 Bom. 155.

(6) *Hashim Ali* v. *Iffat Ara Hamidi Begum* (1942) 46 Cal. W.N. 561.

(7) *Mt. Akhtar Banu Begum* v. *Kanhaiya Lal* A.I.R. 1941 Oudh 492.

(8) *Abdul Wahab* v. *Sughra Begum,* A.I.R. 1932 All 248.

(9) *Abdul Mabud Khan & Ors.* v. *Nawazish Ali Khan,* A.I.R. 1925 Oudh 301.

(10) *Mt. Musharraf Begum & Ors.* v. *Mt. Sikandar Jehan Begum* A.I.R. 1928 All 516.

MAHKAMAH PERSEKUTUAN.

*S.T. Chung* (*Joseph Tan* dengannya) bagi pihak perayu.

*Miss Chen Kah Leng* bagi pihak menentang.

**Salleh Abas H.P.** (menyampaikan keputusan Mahkamah): Ini adalah suatu rayuan dan suatu rayuan balas menentang keputusan Hakim Harun mengenai keesahan suatu dokumen yang dikatakan suatu wakaf dan yang diisytiharkan oleh pihak menuntut pertama pada 13hb. Jun, 1961. Fakta-fakta kes itu boleh dinyatakan seperti berikut.

Pada 18hb. Mac, 1906, bersamaan 22hb. Muharram, 1324, Almarhum Sultan Zainal Abidin Trengganu menganugerahkan kawasan tanah yang luas di Kemaman dikenali sebagai Konsessi Chenderong kepada anak perempuannya, almarhumah Tengku Nik Maimunah, pihak menuntut pertama dan suaminya, Tengku Ngah Omar bin Abdul Rahim, yang pada ketika itu seorang Menteri Negeri, dengan bahagian yang sama banyak. Selepas kematian suaminya, Almarhumah Tengku Nik Maimunah mewarisi satu perempat daripada bahagian suaminya itu, dengan demikian menambahkan bahagiannya menjadi lima perlapan. Almarhumah Tengku Nik Maimunah tidak mempunyai anak kandung. Pada 13hb. Jun, 1961, dia melaksanakan suatu dokumen memberikan semua bahagiannya di Konsessi Chenderong dengan suatu wakaf untuk orang yang berhak menerima faedah seperti berikut: —

(1) adik beradiknya yang lelaki dan perempuan, anak saudara perempuan dan anak saudara lelaki serta anak-anak mereka;

(2) empat orang anak angkat perempuan, dua daripadanya adalah pihak perayu No. 2 dan 3;

(3) dua orang yang bukan bersaudara darah dengannya, seorang daripadanya adalah pihak perayu No. 1; dan

(4) untuk tujuan-tujuan ugama, maksud kerohanian dan maksud kebajikan.

---

* Dialihbahasa dari [1980] 1 M.L.J. 286 oleh Encik Mohamed Nadzar bin Shariff, Guru Bahasa, Universiti Malaya.

Berhubung dengan setiap satu daripada pembahagian-pembahagian kepada yang berhak menerima faedah iaitu (1), (2) dan (3) di atas, terdapat suatu pembahagian terakhir kepada orang fakir dan orang miskin. Sembilan tahun kemudian, pada 21hb. Julai, 1970, Almarhumah Tengku Nik Maimunah melaksanakan dokumen lain yang dikatakan membatalkan wakaf itu dan kira-kira sebulan kemudian, pada 30hb. Ogos, 1970, dia melaksanakan satu lagi dokumen yang dikatakan menyerahkan bahagiannya lima perlapan daripada tanah Konsessi Chenderong itu kepada sebuah syarikat yang dinamakan Syarikat Pembinaan Chenderong Sendirian Berhad, iaitu pihak menentang sekarang ini.

Pada 26hb. November, 1970, Almarhumah Tengku Nik Maimunah memulakan suatu tindakan sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Trengganu terhadap Majlis Ugama dan Adat Melayu, Negeri Trengganu (di dalam keputusan ini dirujuk sebagai "Majlis"), dan 38 pihak kenatuntut yang lain terdiri daripada yang berhak menerima faedah di bawah wakaf itu. Dia meminta dibuat suatu perisytiharan mendakwa, antara lain, bahawa dokumen yang telah dilaksanakan pada 13hb. Jun, 1961 tidak mengwujudkan suatu wakaf yang sah. Bagaimanapun, pada 1hb. Februari, 1971, suatu fatwa oleh Mufti Trengganu menyatakan bahawa wakaf yang dibuat sedemikian rupa adalah sah, dan hal ini telah pun diterbitkan di dalam *Warta Trengganu* (G.N. 28/1971) bersesuaian dengan kehendak seksyen 21(3) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Trengganu No. 4 Tahun 1955. Pada hari berikutnya, iaitu pada 2hb. Februari, 1971, Almarhumah Tengku Nik Maimunah menarik kembali tindakannya terhadap Majlis, tetapi guaman terhadap pihak kenatuntut yang lain diteruskan. Sementara itu, pada 6hb. April, 1971, Almarhumah Tengku Nik Maimunah meninggal dunia dan guaman itu sepatutnya terhenti, tetapi oleh kerana pertambahan mengenai pihak menentang sekarang ini menjadi sebagai pihak menuntut kedua pada 16hb. Mei, 1971, melalui suatu perintah Mahkamah, maka perbicaraan pun diteruskan. Pada 22hb. Julai, 1972, Dewan Negeri Trengganu meluluskan suatu Enakmen dikenali sebagai Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam No. 10, 1972, mengisytiharkan bahawa wakaf keluarga yang dibuat bersesuaian dengan undang-undang Islam tidaklah boleh diputuskan tidak sah semata-mata kerana alasan-alasan khusus yang disebutkan. Enakmen ini yang mempunyai kuasa kebelakangan, berkuatkuasa pada 8hb. Ogos, 1972.

Pembicaraan ini berlangsung pada 5hb. April, 1975 di hadapan Hakim Harun yang telah memberikan suatu keputusan yang memihak kepada sahnya wakaf itu tetapi hanya setakat satu pertiga daripada harta wakaf disebabkan oleh seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Trengganu No. 4/1955. Tiga daripada yang berhak menerima faedah dari wakaf itu telah merayu terhadap keputusan itu mendakwa bahawa wakaf itu seluruhnya sah dan bahawa had satu pertiga itu hanya terpakai kepada wakaf yang dibuat melalui wasiat atau sewaktu sakit hampir-mati. Sebaliknya pihak-pihak menentang telah memasukkan suatu rayuan balas menghujjahkan bahawa wakaf itu seluruhnya tidak sah.

Bagi tujuan keputusan kami, kami rasa adalah sesuai, pertama sekali, menyelesaikan persoalan sahnya wakaf itu, dan kedua, hanya setelah persoalan ini dijawab dengan mengiakannya, barulah kami menimbangkan kesan dan ruang lingkup seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Trengganu No. 4/1955, supaya dapat dipertimbangkan sama ada keesahan wakaf itu seluruhnya atau satu pertiga daripada harta wakaf.

*Wakaf* merupakan suatu institusi Islam yang terdiri kukuh diasaskan atas ugama. Enakmen Pentadbiran Islam Trengganu No. 4 Tahun 1955 mengiktiraf dua jenis wakaf, iaitu *wakaf 'am* dan *wakaf khas*. Seksyen 2 Enakmen itu mentakrifkan dua wakaf itu seperti berikut: —

> "'Wakaf 'am' bermaksud suatu pemberian yang kekal mengenai modal dan pendapatan harta untuk tujuan keugamaan atau kebajikan yang diiktiraf oleh undang-undang Islam dan termasuklah harta yang diberikan itu.
>
> "'Wakaf khas' bermaksud suatu pemberian yang kekal mengenai modal harta untuk tujuan keugamaan atau kebajikan diiktiraf oleh undang-undang Islam, dan temasuklah harta yang diberikan itu, keuntungan daripada harta itu dibayar kepada satu orang atau beberapa orang atau bagi maksud-maksud yang ditentukan oleh wakaf itu."

Di antara perkataan-perkataan yang berkesan daripada takrif-takrif itu adalah "untuk tujuan keugamaan atau kebajikan yang diiktiraf oleh undang-undang Islam" tetapi tidak pula terdapat perkataan ini dihuraikan di dalam Enakmen itu. Enakmen itu tidak memperundangkan di atas kandungan isi undang-undang Islam, kerana ia semata-mata menguruskan "pentadbiran" undang-undang Islam. Adapun makna perkataan "untuk tujuan keugamaan atau kebajikan yang diiktiraf oleh undang-undang Islam" mestilah dicari di tempat lain. Di dalam kes *Commissioner for Religious Affairs* v. *Tengku Mariam*,[1] Mufti Trengganu telah mengeluarkan suatu fatwa diwartakan sesuai dengan seksyen 21 Enakmen itu mempertahankan keesahan sesuatu wakaf yang dibuat memihak kepada keluarga waqif dan saudara maranya dengan ada pemberian terakhir untuk tujuan-tujuan keugamaan. Akan tetapi baik Mahkamah Tinggi mahupun Mahkamah Persekutuan, kedua-duanya menolak fatwa itu sebagai suatu yang mengikat ke atas mahkamah. Dengan menggunakan keputusan Tuan-Tuan Hakim Privy Council dalam kes *Abdul Fata Mahomed Ishak* v. *Russomoy Dhur Chowdhry*[2] dan *Fatimah* v. *Mohamed bin Salim*,[3] Hakim Wan Sulaiman, sepertimana beliau pada ketika itu, memutuskan bahawa wakaf itu tidak sah. Di dalam Mahkamah Persekutuan keesahannya telah diselamatkan di atas suatu alasan teknik yang sempit iaitu oleh kerana yang berhak menerima faedah, melalui tingkah laku mereka sebelum guaman itu, telah pun menerima keesahan wakaf tadi, maka doktrin persekatan (estoppel) merintangi mereka daripada mencabar keesahannya. Namun demikian, Hakim Persekutuan Suffian, sepertimana beliau pada ketika itu, yang memberi keputusan induk mahkamah itu, mengiakan semula sepertimana yang telah dibuat oleh Mahkamah Rayuan Afrika Timur di dalam kes *Fatimah*, bahawa keputusan Tuan-Tuan Hakim Privy Council mengenai wakaf adalah mengikat ke atas mahkamah dan dia telah mengesyorkan supaya keadaan yang membingungkan ini hendaklah diperbetulkan melalui perundangan.

Jadi, apakah dia undang-undang sepertimana yang disebutkan oleh keputusan-keputusan ini? Menurut *Mohamed Ahsanullah Chowdhry* v. *Amarchand Kundu*,[4] sesuatu wakaf untuk faedah keluarga si waqif, anak-anaknya dan zuriatnya dan juga untuk kebajikan, hanya akan sah jikalau terdapat peruntukan yang banyak daripada harta itu kepada faedah-faedah kebajikan pada sesuatu tempoh waktu atau lain. Dalam apa-apa hal pun, wakaf sedemikian itu tidak akan sah jikalau tujuan utama adalah untuk membesar-besarkan keuntungan keluarga si waqif dan pemberian kepada kebajikan merupakan khayalan sahaja sama ada disebabkan oleh jumlahnya kecil atau oleh ketidaktentuannya ataupun oleh jauhnya tujuan-tujuan wakaf itu. (Kes *Abdul Fata*).

Keputusan yang terkemudian ini menimbulkan ketidakpuasan di kalangan bijak-pandai dan juris-juris di India dan akibat daripada desakan-desakan serta bantahan-bantahan, maka badan perundangan India telah meluluskan Mussalman Waqf Validating Act VI (Akta VI Pengesahan Wakaf Orang-orang Islam) tahun 1913; dan oleh kerana Akta itu telah tidak diberi kesan kebelakangan, maka satu lagi Akta pengesahan telah diluluskan pada tahun 1930, dan dengan demikian telah dapat menyelamatkan mana-mana wakaf yang tujuan terakhirnya untuk kebajikan daripada berkeadaan tidak sah, tidak kira sama ada wakaf itu diwujudkan sebelum, pada atau selepas 1913. Telah difikirkan, hinggalah baru-baru ini, bahawa keputusan Tuan-Tuan Hakim Privy Council di dalam kes *Abdul Fata* adalah semata-mata dikhususkan kepada undang-undang Islam sepertimana yang terpakai di India. Bagaimanapun, kepercayaan ini telah ditolak oleh Tuan-Tuan Hakim Privy Council dalam kes *Fatimah* v. *Mohamed bin Salim* di mana Tuan-Tuan Hakim itu mengiakan semula betulnya keputusan mereka di dalam kes *Abdul Fata* dan dengan itu menghilangkan kesemua keraguan bahawa ruang lingkup keputusan mereka hanya dikhususkan kepada India sahaja. Tuan-Tuan Hakim itu mengatakan bahawa mereka "tidak dapat menerima teori ... bahawa tafsiran mengenai undang-undang Islam yang diberikan oleh Badan ini di dalam suatu siri kes-kes adalah dikhususkan kepada undang-undang sepertimana yang terpakai atau ditadbirkan di India". (m.s. 14).

Demikianlah secara ringkas perkembangan undang-undang Islam mengenai wakaf di India.

Berbalik kepada undang-undang Islam di Trengganu, undang-undang wakaf nampaknya, menurut arus kejadian yang serupa sepertimana yang berlaku di India. Syor oleh Mahkamah Persekutuan bahawa keadaan yang membingungkan yang terdapat melalui duluan keputusan-keputusan Tuan-Tuan Hakim Privy Council hendaklah diperbetul oleh perundangan, telah pun diterima oleh Dewan Negeri Trengganu yang berikutnya pada 22hb. Julai, 1972, meluluskan Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam No. 10 Tahun 1972. Enakmen itu menerima persetujuan di-Raja pada 3hb. Ogos, 1972 dan dengan demikian pada tarikh itu menjadi undang-undang. Jadi sepertimana di India keputusan Privy Council mengenai wakaf keluarga telah dibatalkan melalui Mussalman Waqf Validating Act 1913 dan 1930, di Trengganu keputusan mereka yang mahkamah anggap mengikat di dalam kes *Tengku Mariam* adalah sama juga dibatalkan melalui perundangan, iaitu Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam 1972.

Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam 1972 tidaklah menjelaskan apakah dia unsur-unsur keseluruhan sesuatu wakaf yang sah. Ini, sesungguhnya, mestilah ditentukan dengan merujuk kepada takrif yang diberikan melalui seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam No. 4 tahun 1955 dan selanjutnya dengan merujuk kepada teks dan undang-undang Islam yang tulin. Yang dilakukan oleh Enakmen itu semata-mata mengisytiharkan bahawa sesuatu wakaf tidaklah boleh diputuskan tidak sah semata-mata disebabkan "antara tujuan-tujuan lain" wakaf itu adalah empat tujuan berikut, iaitu —

(1) bahawa wakaf itu adalah untuk nafkah dan tanggungan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya bagi faedah keluarga, anak atau anak cucu si waqif, dengan syarat bahawa terdapat faedah terakhir yang dikhaskan untuk orang-orang miskin atau untuk tujuan lain yang diakui oleh undang-undang Islam (seksyen 2(1)(a));

(2) bahawa di dalam perkara mazhab Hanafi, wakaf itu adalah untuk nafkah dan tanggungan si waqif sendiri semasa hayatnya dan juga untuk bayaran hutang piutang daripada keuntungan sewa-sewa dan untung harta yang berkenaan itu, dengan syarat bahawa terdapat faedah terakhir yang dikhaskan untuk orang-orang miskin atau untuk tujuan lain yang diakui oleh undang-undang Islam (seksyen 2(1)(b));

(3) bahawa faedah-faedah terakhir yang dikhaskan untuk orang-orang miskin atau tujuan-tujuan lain yang diakui oleh undang-undang Islam itu hanya sedikit sahaja atau ditangguhkan sehingga semua keluarga si waqif, anak-anak atau anak cucunya telah meninggal dunia (seksyen 2(2));

(4) bahawa wakaf itu untuk faedah orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli-waris; iaitu orang-orang lain daripada keluarga, anak atau anak cucu si waqif (seksyen 2(3)).

Adalah harus dicatatkan bahawa sesuatu wakaf yang termasuk di bawah kategori (1), (2) dan (3) telah diputuskan tidak sah melalui keputusan Tuan-Tuan Hakim Privy Council di dalam kes *Ahsanullah* dan kes *Abdul Fata*, dan mengenai wakaf yang termasuk di bawah kategori (4), iaitu wakaf untuk orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris, tidaklah pernah merupakan tajuk-perkara keputusan Tuan-Tuan Hakim itu. Oleh kerana Enakmen Pengesahan Wakaf Islam 1972 semata-mata menggariskan kaedah mencegah supaya wakaf sedemikian daripada dianggap tidak sah, maka persoalan sahnya itu mestilah, sepertimana yang dimaksudkan oleh badan perundangan itu, ditentukan sesuai dengan undang-undang Islam yang tulin serta nas dan bukanlah dengan yang kebanyakannya dipengaruhi oleh konsep mengenai dan kaedah terhadap harta amanah kebajikan dan kaedah menghalang pemberian selama-lamanya di dalam undang-undang Inggeris.

Peguam bagi pihak menentang menghujjahkan bahawa Enakmen Pengesahan Wakaf Orang-orang Islam

1972 tidak mempunyai kesan kebelakangan dan oleh itu tidak boleh dipakai kepada wakaf di dalam kes sekarang ini yang telah dibuat dalam tahun 1961. Akibatnya, keputusan Tuan-Tuan Hakim Privy Council yang tersebut di atas hendaklah dipakai. Di dalam pendapat kami, hujjah ini tidak dapat dianggap baik kerana adalah jelas bahawa seksyen 3 Enakmen itu yang menyatakan — Enakmen ini hendaklah dikenakan kepada semua wakaf dalam negeri ini yang diwujudkan sebelum Enakmen ini bermula — adalah berkesan kebelakangan. Wakaf yang dibuat oleh Almarhumah Tengku Nik Maimunah telah dibuat pada 13hb. Jun, 1961, dan oleh itu Enakmen yang mengatakan apakah yang dimaksudkannya ataupun memaksudkan apa yang dikatakannya mestilah menguasai wakaf ini. Peguam bagi pihak menentang selanjutnya menghujjahkan bahawa meskipun seksyen 3 Enakmen itu memberikan kesan kebelakangan kepada perundangan, maka syarat kepada seksyen ini menganggap wakaf itu di dalam kes sekarang ini adalah sepenuhnya di luar lingkungan Enakmen itu. Untuk tujuan ini adalah perlu dipetik seksyen 3 secara terperinci, seperti berikut: —

"3. Enakmen ini hendaklah dikenakan kepada semua wakaf dalam negri ini yang diwujudkan sebelum enakmen ini bermula:

Dengan syarat bahawa tidak ada apa-apa yang terkandung didalam Enakmen ini akan dianggap dengan apa cara nengancam hak-hak milik, kewajipan atau tanggungan yang telah diperoleh, terjadi atau dikenakan sebelum Enakmen ini bermula."

Syarat daripada jenis ini lazimnya telah diperuntukkan di dalam kebanyakan perundangan dengan memberikan kesan kebelakangan atau kesan semasa. Untuk memakai syarat ini, hendaklah ditunjukkan bahawa di dalam tempoh di antara 13hb. Jun, 1961 tarikh apakala wakaf itu dibuat dan 3hb. Ogos, 1972, tarikh bermulanya Enakmen itu, beberapa hak atau hakmilik telah pun diperoleh atau terakru atau beberapa tanggungjawab atau tanggungan telahpun terjadi berhubung dengan wakaf ini secara khusus. Pendapat kami atas persoalan ini berbentuk negatif. Menurut kenyataan fakta-fakta kes ini pada muka surat 19 Rekod Rayuan, pada 27hb. Julai, 1970, Almarhumah Tengku Nik Maimunah telah menulis kepada Majis membatalkan wakaf itu dan pada 30hb. Ogos, 1970 beliau melaksanakan suatu suratan-penyerahan yang dikatakan menyerahkan bahagian beliau di Konsessi Chenderong kepada pihak menentang. Dua tindakan ini oleh si waqif, pada pandangan kami, telah tidak mengwujudkan apa-apa hak atau apa-apa tanggungjawab itu terjadi. Adalah jelas bahawa tindakan membatalkan wakaf itu sendiri dengan menghantarkan sepucuk surat kepada Majlis pada 30hb. Ogos, 1970 adalah merupakan pra andaian penerimaan beliau serta sikap beliau terhadap sahnya wakaf itu. Beliau sudah semestinyalah menganggap bahawa wakaf itu sah, atau jika tidak, masakan dia membatalkannya pula. Di dalam undang-undang Islam tidak ada persoalan membatalkan sesuatu wakaf yang sah. Tindakan beliau melaksanakan suatu penyerahan harta kepada pihak menentang merupakan akibat sahnya pembatalan beliau mengenai wakaf itu. Oleh sebab di dalam undang-undang Islam seseorang waqif tidak boleh membatalkan wakaf, begitu juga yang dikatakan penyerahan harta wakaf kepada pihak menentang tidaklah menimbulkan hak dan tanggungan kepada sesiapa. Pada pandangan kami, syarat kepada seksyen 3 hanya boleh dipakai berhubung dengan sesuatu wakaf yang mungkin telah tidak sah jika tidak disebabkan sah oleh Enakmen ini di mana pihak-pihak atau seseorang lain telah bertindak sedemikian rupa hingga memudharatkan kedudukan mereka. Di dalam kes ini, oleh kerana tidak ada hak-hak atau tanggungjawab yang telah diperoleh atau yang terjadi, kami tidak nampak ada apa-apa kesan di dalam hujjah itu yang menunjukkan bahawa syarat itu dipakai untuk mengeluarkan wakaf daripada lingkungan Enakmen ini.

Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam 1972, sementara mencegah sesuatu wakaf itu daripada diputuskan tidak sah atas alasan-alasan tertentu dan khusus, maka ia menegaskan bahawa "daripada semua segi lain" sesuatu wakaf mestilah "bersesuaian dengan peruntukan undang-undang Islam". Oleh itu peguam bagi pihak menentang menghujjahkan bahawa wakaf ini adalah tidak bersesuaian dengan undang-undang Islam dan oleh itu tidak sah kerana hanya pendapatan sahajalah dan bukan tubuh harta itu yang diwakafkan. Di dalam undang-undang Islam, untuk menjadikan wakaf itu sah maka wakaf itu mestilah dalam bentuk mewakafkan harta benda dan juga pendapatannya. Di dalam kes ini, apakah pula perkaranya wakaf itu? Peguam menghujjahkan bahawa hanya pendapatan sahajalah diwakafkan dan ini berdasarkan kata-kata perenggan itu seperti berikut: —

"I endow in perpetuity all the rights, interests and income derived from the 5/8 (five-eighth) share of the said Chenderong Concession."

Ayat ini, sesungguhnya, adalah suatu terjemahan Inggeris yang diterjemahkan daripada versi Melayu yang asli iaitu —

"Saya telah mewakafkan dengan kekalnya *menghabisi* semua hasil dan hak faedah yang didapati daripada 5/8 (lima perlapan) daripada tanah Konsessi Chenderong...."

Di sini kami bersetuju dengan hujjah peguam bagi pihak perayu bahawa terjemahan Inggeris itu tidak tepat kerana penterjemahan itu tidak memberikan apa-apa kesan kepada gantinama "nya" yang bergayut pada perkataan "kekalnya". Kami juga memikirkan bahawa tidak ada kesan diberikan kepada perkataan "menghabisi" (maksudnya selengkapnya atau tanpa ada apa-apa yang tertinggal atau baki). Gantinama "nya" dan perkataan "menghabisi" pada hemat kami merujuk kepada lima perlapan daripada tanah Konsessi Chenderong, dan oleh kerana itu, kami memutuskan bahawa apa yang telah diberi atau diwakafkan itu bukanlah hanya pendapatan yang diambil daripada lima perlapan daripada Konsessi Chenderong, malah lima perlapan daripada tanah itu sendiri. Pendapat ini selanjutnya diperkuat oleh suatu perenggan di dalam suratcara wakaf berhubung dengan perbelanjaan untuk menguruskan wakaf itu. Di sini pihak si waqif, Almarhumah Tengku Nik Maimunah, mengarahkan bahawa sebelum pendapatan itu dibahagi-bahagikan kepada beberapa orang yang berhak menerima faedah, perbelanjaan untuk pengurusan hingga ke takat 7/144 mestilah diambil daripada jumlah kasar pendapatan yang diambil daripada "bahagian Konsessi Chenderong yang diberikan itu" atau di dalam bahasa Melayunya "daripada tanah Chen-

derong Konsessi yang diwakafkan" (Terjemahan Inggeris pada muka surat 77, versi asalnya Jawi pada muka surat 59 dan versi tulisan Rumi pada muka surat 67). Oleh itu adalah jelas bahawa apa yang diwakafkan bukanlah hanya pendapatan atau keuntungan yang diambil daripada Konsessi Chenderong, itu sahaja malah tanah itu sendiri. Oleh kerana itu, kami menolak hujjah peguam pihak penjawab.

Wakaf yang diwujudkan oleh Almarhumah Tengku Nik Maimunah mengandungi suatu senarai panjang orang yang berhak menerima faedah, antaranya tiga orang pihak perayu sekarang ini. Pihak perayu No. 1, Haji Embong bin Ibrahim, telah diberi 3/144 bahagian daripada harta wakaf, sementara pihak perayu No. 2 dan 3 telah diberi 2/144 bahagian tiap-tiap seorang. Pihak perayu No. 1 tidak bersaudara dengan Almarhumah Tengku Nik Maimunah, sementara pihak perayu No. 2 dan 3 adalah anak angkatnya yang perempuan. Dihujjahkan oleh peguam bagi pihak menentang bahawa wakaf itu tidak sah kerana berhubung dengan pihak perayu No. 1, wakaf itu dibuat untuk faedah seorang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris dan berhubung dengan pihak perayu No. 2 dan 3 dibuat untuk faedah orang yang bukan ahli keluarga si waqif. Walaupun perayu No. 1 tidak bersaudara darah dengan Almarhumah Tengku Nik Maimunah, dan oleh kerana itu tidak boleh dikelaskan sebagai ahli keluarganya, akan tetapi pemberian kepadanya jelaslah tidak boleh diputuskan tidak sah kerana sub-seksyen (3) seksyen 2 Enakmen itu memperbuat undang-undang seperti berikut: —

"Tidak ada wakaf yang sedemikian rupa boleh dianggap tidak sah semata-mata kerana bahagian daripada faedah yang dikhaskan di dalamnya diberikan kepada orang atau orang-orang selain daripada keluarga, anak-anak atau anak cucu kepada orang yang membuat wakaf itu."

Ini bermakna bahawa suatu wakaf untuk seorang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris, jikalau sah di dalam undang-undang Islam, tidaklah boleh diputuskan tidak sah. Dalam kes *Ismail Haji Arat* v. *Umar Abdullah & Anor.*,[5] seorang waqif membuat suatu wakaf untuk anak saudara lelakinya, Hossein Noor Mohamed dan selepas kematiannya (Hoosein Noor Mohamed) kepada waris-waris anak saudara lelakinya pula dengan tujuan akhir pemberian itu kepada perkara kebajikan. Mahkamah Tinggi Bombay memutuskan bahawa Hoosein Noor Mohamed yang pernah tinggal bersama dengan si waqif dan juga disara olehnya adalah merupakan ahli keluarga si waqif kerana Hoosein Noor Mohamed telah lulus kedua-dua ujian tentang apa yang dimaksudkan dengan "suatu keluarga". Dia telah tinggal di rumah si waqif yang segala perbelanjaannya ditanggung oleh si waqif dan dia juga telah bersangkut dengan si waqif melalui nenek moyang yang sama atau melalui keturunan yang sama. Oleh kerana itu, wakaf untuknya itu adalah termasuk di bawah seksyen 3(a) Mussulman Waqf Validating Act 1913. Mahkamah Tinggi Bombay, bagaimanapun, tidak mengesahkan wakaf yang dibuat untuk waris Hoosein Noor Mohamed kerana waris itu adalah orang yang tidak bersangkut-paut oleh sebab dia bukan sahaja tidak tinggal bersama atau bergantung untuk sara hidupnya kepada si waqif malah dia tidak pula bersangkut melalui nenek moyang yang sama dengan si waqif. Hakim Chagla yang memberikan keputusan mahkamah itu berkata: —

"Sekiranya saya memutuskan bahawa pemberian untuk waris Hoosein Noor Mohamed itu merupakan pemberian yang sah, maka ini akan terjumlah kepada keputusan saya bahawa pemberi wakaf itu memberikan hartanya secara kekal untuk orang-orang yang bukan anak-anaknya atau keturunannya atau ahli keluarganya. Oleh yang demikian, saya memutuskan bahawa pemberian untuk waris-waris Hoosein Noor Mohamed tidaklah termasuk di dalam lingkungan Mussalaman Waqf Validating Act dan oleh yang demikian pembahagian itu taksah di segi undang-undang."

Bagaimanapun, mestilah diingat bahawa Indian Mussalaman Waqf Validating Act tidaklah mengandungi suatu peruntukan yang serupa dengan sub-seksyen (3) seksyen 2 Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam Trengganu 1972, yang mencegah atau menyelamatkan suatu wakaf daripada dianggap tidak sah, jika sebaliknya sah di bawah undang-undang Islam semata-mata kerana ia diwujudkan untuk orang-orang selain daripada keluarga, anak-anak atau keturunan orang yang mengwujudkan wakaf itu. Atas alasan ini, kes *Ismail Haji Arat* v. *Umar Abdullah* tidaklah boleh dianggap sewenang-wenang untuk pendapat bahawa wakaf kepada orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris adalah tidak sah. Kes itu hanya membuat keputusan atas ruang-lingkup Indian Mussalaman Waqf Validating Act 1913. Adalah jelas daripada petikan keputusan tersebut bahawa Hakim Chagla masih dipengaruhi oleh konsep amanah kebajikan dan kaedah menghalang pemberian selama-lamanya seperti yang difahami di dalam undang-undang Inggeris. Sedangkan di dalam kes kita peraturan-peraturan itu sepatutnya tidaklah memainkan apa-apa peranan langsung di dalam pemberian harta di bawah undang-undang Islam. Supaya perkara ini lebih jelas maka adalah memadai menurunkan seksyen 25 Enakmen Undang-undang Sivil 1956 seperti berikut: —

"Tidak ada apa-apa di dalam bahagian ini yang akan menyentuh pemberian mana-mana harta menurut undang-undang Islam."

"Bahagian ini" merupakan Bahagian VII Akta itu dan bahagian itu memperuntukkan mengenai kaedah menghalang pemberian selama-lamanya. Bagaimanapun, ini tidaklah menyelesaikan perkara itu lagi. Persoalan asas masih belum dijawab, iaitu sama ada atau tidak di bawah undang-undang Islam dan teks ugama Islam yang jati suatu wakaf untuk orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris itu sah. Penelitian ke atas karya pengarang-pengarang India yang terkenal seperti *Ameer Ali, Tyabji* dan *Fyzee* menunjukkan dengan jelas bahawa suatu pemberian untuk seorang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris itu adalah sah. *Fyzee*, edisi kedua, m.s. 252, menyebut: —

"... Adakah kemiskinan merupakan suatu syarat untuk mendapatkan faedah daripada suatu wakaf?

Menurut undang-undang Islam wakaf boleh dibuat (i) sama sahaja untuk si kaya dan si miskin; atau (ii) untuk si kaya dan kemudiannya untuk si miskin; atau (iii) untuk si miskin sahaja. Undang-undang itu tidaklah mewajibkan yang seseorang itu perlu dibuktikan miskin sebelum dia boleh menerima faedah wakaf. Kepapaan merupakan satu daripada beberapa banyak sifat yang diiktiraf sebagai berupaya menarik faedah daripada suatu wakaf tetapi ini tidaklah menjadi suatu *sine qua non* (syarat yang semestinya). Oleh yang demikian, kesemua orang, tanpa mengira kekayaan, adalah berhak menjadi orang yang boleh menerima faedah. Namun begitu, adalah betul jika dikatakan bahawa apakala kesemua tujuan lain telah gagal, maka pertolongan kepada si miskin itulah yang menjadi tujuan akhir setiap wakaf. Oleh kerana itu adalah jelas

bahawa maksud wakaf mungkin berbeza daripada maksud suatu amanah kebajikan sepertimana yang difahami di dalam undang-undang Inggeris."

*Ameer Ali* dalam jilid I, Edisi ke 5 (1976) mengatakan bahawa suatu wakaf boleh diwujudkan untuk faedah sesiapa pun atau kelas orang atau untuk apa-apa maksud kerohanian atau kebajikan (m.s. 273), dan di antara maksud-maksud wakaf yang sah adalah termasuk suatu pemberian kepada orang yang tidak bersangut-paut sebagai ahli waris (m.s. 276-277). Begitu juga dengan *Tyabji,* Edisi ke 2 (1919), setelah menyebut bahawa Mussalaman Waqf Validating Act 1913 tidak mengandungi rujukan kepada persoalan sama ada peruntukan untuk orang-orang lain daripada ahli keluarga anak-anak dan anak cucu si waqif itu sah, seterusnya mengatakan bahawa peruntukan di dalam wakaf boleh dibuat untuk orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris (m.s. 571).

Di dalam kes *Hashim Ali* v. *Iffat Ara Hamidi Begum,*[6] Mahkamah Tinggi Calcutta telah berpendapat bahawa peruntukan wang pencen yang kecil jumlahnya bagi tiga orang gaji yang setia tidak akan menjadikan wakaf itu tidak sah, oleh kerana maksud utama wakaf yang dipersoalkan itu bukanlah membuat pemberian kepada orang-orang itu. Di dalam kes *Mt. Akhtar Banu Begum* v. *Kanhaiya Lal,*[7] telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Oudh bahawa pembayaran sejumlah wang yang diarahkan untuk dibuat di dalam wakaf itu kepada dua orang gaji si waqif itu adalah sah, walaupun mereka itu bukan ahli keluarga kepada si waqif. Pada pendapat mahkamah, peruntukan yang terkandung di dalam Mussalaman Waqf Validating Act 1913 bukanlah menyeluruh oleh kerana perkataan-perkataan yang digunakan itu "antara tujuan-tujuan lain". Di dalam kes *Abdul Wahab* v. *Sughra Begum,*[8] Mahkamah Tinggi Allahabad memutuskan bahawa suatu pemberian di dalam wakaf untuk tujuan pembayaran gaji dan pencen kepada orang gaji adalah sah. Mahkamah itu dalam kes ini bertindak di atas pendapat *Ameer Ali* dan *Tyabji* yang menolak hujjah bahawa untuk mengesahkan suatu wakaf untuk seorang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris, maka orang yang tidak bersangkut-paut ini mestilah miskin. Oleh yang demikian, kajian kes-kes India mengenai wakaf untuk orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris menunjukkan bahawa tiga buah Mahkamah Tinggi, iaitu Mahkamah Calcutta, Allahabad dan Oudh menguatkan sahnya wakaf sedemikian. Hanya Mahkamah Tinggi Bombay dalam kes *Ismail Haji Arat* v. *Umar Abdullah* sahaja memutuskan sebaliknya. Walau apa jua kesan pemutusan di dalam kes itu, sudahlah jelas bahawa ia tidaklah boleh dipakai kepada keadaan kita kerana Akta India tidak mengandungi peruntukan yang berkaitan dengan sahnya suatu wakaf yang dibuat untuk orang-orang selain daripada keluarga si waqif. Oleh yang demikian jalannya terbuka kepada hakim di dalam kes itu menggunakan undang-undang wakaf yang dipengaruhi oleh konsep amanah kebajikan dan kaedah-kaedah menghalang pemberian selama-lamanya sepertimana yang difahami dalam undang-undang Inggeris, dan bukannya undang-undang wakaf sepertimana dihuraikan dan ditafsirkan oleh sarjana-sarjana dan juris-juris Islam. Oleh itu, kami menolak hujjah bahawa peruntukan untuk perayu No. 1 adalah tak sah. Peruntukan sedemikian adalah sah di dalam undang-undang Islam dan selanjutnya diselamatkan daripada ketidakesahan oleh seksyen 2(3), Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam 1972.

Berhubung dengan pemberian untuk perayu No. 2 dan 3 yang dijadikan anak angkat perempuan oleh Almarhumah Tengku Nik Maimunah, pada hemat kami, pemberian yang sedemikian itu juga sah, bukan sahaja oleh kerana pemberian untuk orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris itu adalah sah bahkan juga oleh kerana anak angkat perempuan mestilah dianggap menjadi ahli keluarga seseorang waqif. Adalah dihujjahkan bahawa oleh kerana undang-undang Islam tidak mengiktiraf pengambilan anak angkat, maka kanak-kanak yang dianakangkatkan tidak boleh menjadi sebahagian daripada keluarga seseorang waqif. Di dalam kes *Abdul Mabud Khan & Ors.* v. *Nawazish Ali Khan,*[9] telah diputuskan bahawa sementara persaudaraan jauh, umpamanya empat pupu atau lima pupu, tidaklah boleh dianggap sebagai ahli keluarga, perkataan "keluarga" di dalam Mussalaman Waqf Validating Act 1913 termasuk orang yang tinggal di rumah si waqif yang segala perbelanjaannya ditanggung oleh si waqif. Di dalam kes *Mt. Musharraf Begum & Ors.* v. *Mt. Sikandar Jehan Begum,*[10] telah diputuskan bahawa suatu wakaf untuk janda seorang lelaki, iaitu menantu perempuan, adalah sah kerana janda itu telah diputuskan menjadi ahli keluarga si waqif. Begitu jugalah dalam kes *Ismail Haji Arat,* seorang anak saudara lelaki yang tinggal di rumah si waqif yang menganggap dan menyaranya sebagai anak lelakinya telah diputuskan menjadi ahli keluarga. Di dalam keputusan kami, ujian mengenai apa yang dimaksud dengan "keluarga" yang digunakan oleh kes-kes di India itu adalah betul. Inilah satu ujian yang kami sendiri bersedia menggunakannya. Oleh itu kami memutuskan bahawa kedua-dua perayu itu, yang menjadi anak angkat perempuan dan tinggal bersama dengan si waqif, hendaklah dianggap sebagai ahli keluarga si waqif. Pemberian untuk mereka adalah sah. Sebaliknya meskipun mereka tidak dianggap sebagai ahli-ahli keluarga Almarhumah Tengku Nik Maimunah, sebagai orang-orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris pun, tidaklah terdapat di segi undang-undang apa-apa yang mencegah pemberian sedemikian itu menjadi selain daripada sah. Undang-undang Islam yang tulin sepertimana dinyatakan dalam pendapat pengarang-pengarang yang arif dan seperti yang dipakai oleh beberapa hakim Mahkamah Tinggi di India menegakkan keesahan suatu wakaf yang dibuat untuk orang-orang yang tidak bersangkut-paut sebagai ahli waris. Lebih-lebih lagi, seksyen 3(2) Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-orang Islam Trengganu 1972 dengan jelasnya mengesahkan wakaf sedemikian.

Atas alasan-alasan tersebut di atas, kami memutuskan bahawa wakaf yang diperbuat oleh Almarhumah Tengku Nik Maimunah Hajjah binti Almarhum Sultan Zainal Abidin pada 13hb. Jun, 1961 adalah sah dan oleh itu rayuan-balas telah gagal.

Kami sekarang sampai pula kepada menimbangkan rayuan itu sendiri oleh ketiga-tiga perayu dalam kes ini. Hakim Harun di dalam mahkamah bawah memutuskan bahawa wakaf itu sah hanya setakat satu

pertiga kerana seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Islam Trengganu No. 4, 1955 memperbuat undang-undang seperti berikut: —

"Sama ada atau tidak dibuat dengan jalan wasiat atau pemberian waktu hendak mati, maka tidaklah boleh wakaf atau nazar, yang dibuat selepas daripada mula Enakmen ini dan mengenai lebih daripada satu pertiga harta orang yang membuat sedemikian, menjadi sah berkenaan dengan yang lebih daripada satu pertiga yang itu, melainkan dibenarkan dan disahkan khusus oleh pihak-pihak yang berhak menerima faedah sebagai ahli-waris."

Hujjah pihak perayu ialah bahawa seksyen ini hanya memperuntukkan mengenai wakaf atau nazar yang dibuat melalui wasiat atau pemberian waktu hendak mati dan bahawa ia tidak ada rujukan langsung kepada suatu wakaf atau nazar yang dibuat sewaktu hidup. Oleh kerana itu mengikut hujjah mereka wakaf di dalam kes ini yang dibuat sewaktu hidup si waqif itu mestilah seluruhnya sah.

Menurut undang-undang Islam, seseorang Islam mempunyai kuasa sewaktu hidupnya memindahkan kesemua hartanya kepada sesiapapun, tetapi selepas kematiannya atau sewaktu sakit hampir-matinya dia hanya boleh berbuat begitu hingga ke takat satu pertiga daripada harta itu jika tidak ada keizinan oleh ahli waris. Suatu wakaf di bawah undang-undang Islam boleh diperbuat sama ada melalui pemberian sewaktu hidup atau melalui wasiat. Suatu wakaf sewaktu hidup berkesan serta merta untuk memindahkan pemilikan di dalam harta itu daripada si waqif, Akibatnya had satu pertiga itu tidak boleh digunakan kepada wakaf sewaktu hidup. Akan tetapi wakaf yang diperbuat melalui wasiat atau yang dibuat sewaktu si waqif sakit hampir-mati, maka had satu pertiga itu boleh dipakai, melainkan wakaf sedemikian itu diizinkan oleh ahli waris. Akibatnya, dalam hal ketiadaan sedemikian itu, hanya pemberian hingga ke setakat satu pertiga wakaf harta itu sahaja yang sah. Berbalik kepada seksyen 61 Enakmen Trengganu itu, pada hemat kami, adalah jelas bahawa Enakmen itu tidak bertujuan membuat perundangan atau mengubah kandungan undang-undang Islam terutamanya mengenai perkara ini yang begitu asas. Bahkan jauh daripada itu, oleh kerana ia semata-mata merupakan suatu Enakmen yang tajuk panjangnya menyebut: —

"Menyatukan undang-undang yang berkaitan dengan pentadiran semua perkara yang berkaitan dengan Ugama Islam dan mahkamah Syariah."

Oleh kerana melalui undang-undang Islam yang tidak tertulis, had satu pertiga hanya dipakai kepada suatu wakaf atau nazar yang dibuat dengan cara wasiat atau sewaktu sakit hampir-akan-mati, maka mustahil tujuan Badan Perundangan Trengganu bahawa had satu pertiga itu juga terpakai kepada wakaf yang dibuat sewaktu hidup, seperti yang terdapat di dalam kes rayuan ini. Lebih-lebih lagi, setelah dibaca dengan telitinya akan seksyen 61, adalah jelas menunjukkan bahawa ia hanya mengenai suatu wakaf atau nazar yang dibuat melalui wasiat atau pemberian waktu hendak mati. Ia tidak menyebut apa-apa mengenai wakaf yang dibuat sewaktu hidup. Perkataan "sama ada dibuat melalui wasiat atau melalui pemberian waktu hendak mati" itu mestilah ditafsirkan menurut apa yang dikatakannya. Sesungguhnya, perkataan itu adalah bukan dan tidak pula boleh merujuk kepada suatu wakaf yang dibuat sewaktu hidup yang mana tidak tersebut di dalam perkataan itu. Prinsip umum *expressio unius exclusio alterius* (sebutan khas sesuatu menyinkirkan yang lain) atau *expressum facit cessare tacitum* (yang disebutkan menamatkan yang tidak disebut) mestilah dipakai. Memandang kepada alasan kami yang tersebut di atas, maka kami bersetuju dengan hujjah peguam bagi pihak perayu-perayu bahawa wakaf di dalam kes ini adalah seluruhnya sah dan bahawa had satu pertiga yang terkandung di dalam seksyen 61 Enakmen itu, hanya meliputi wakaf atau nazar yang dibuat melalui wasiat atau pemberian dibuat waktu hendak mati sahaja, dan tidak terpakai kepada wakaf di dalam kes ini.

Oleh kerana itu kami membenarkan rayuan dan membuang bicara rayuan-balas dengan kos di sini dan di mahkamah bawah. Cengkeram hendaklah dikembalikan kepada pihak perayu.

*Rayuan dibenarkan; rayuan-balas ditolak.*

Peguamcara: *Chung & Huang; Skrine & Co.*

# KANDUNGAN LAPORAN BAHASA MELAYU

## KES-KES YANG DILAPURKAN

Haji Embong bin Ibrahim & Lain-lain lwn. Tengku Nik Maimunah binti Almarhum Sultan Zainal Abidin & Seorang lagi M.P. ... ... ... 21

Haji Mawar lwn. Peguam Negara ... ... ... 11

Mat lwn. Pendakwa Raya ... ... ... ... ... 13

Perkara Mutchilim alias Ashrhin, simati ... ... 11

Ramah binti Ta'at lwn. Laton binti Malim Sutan ... 1

Roberts alias Kamarulzaman lwn. Umi Kalthom ... 14

Saeda binti Abubakar & Malek bin Haji Mohamed Yusup lwn. Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamed Yusup & Usman bin Haji Mohamed Yusup ... 8

Perkara Harta Pusaka
Shaikh Mohamed bin Abdul Rahman bin Hazim 18

Perkara Harta Pusaka
Timah binti Abdullah; Pentadbir Resmi F.M.S. lwn. Magari Mohihiko & Lain-lain & Negeri Pahang ... ... ... ... ... ... ... 9

## FAHRASAT PERKARA

*ADAT MELAYU*

— Harta sepencarian — Anggapan — Pembahagian harta semasa bercerai 14

*KETERANGAN JENAYAH*

— Beban pembuktian — Maksudnya — Penerangan oleh tertuduh — Bila tertuduh berhak mendapatkan pembebasan.

*Mat* lwn. *Pendakwa Raya* Suffian H. 13

*PUSAKA* — Lihat Undang-Undang Islam

*UNDANG-UNDANG ISLAM*

— Harta sepencarian — Pembahagian harta semasa bercerai — Harta didaftarkan atas nama isteri — Sama ada ia merupakan pemberian/hadiah.

*Roberts alias Kamarulzaman* lwn. *Umi Kalthom* Raja Azlan Shah H. 14

— Perkahwinan — Pengesahan — Tidak mematuhi peruntukan Enakmen Pentadhiran Undang-Undang Islam, 1959, ss. 114, 115 dan 116.

*Perkara Harta Pusaka Shaikh Mohamed bin Abdul Rahman bin Hazim* Chang Min Tat H. 18

— Pusaka tak berwasiat — Si mati meninggalkan balu tidak ada kerabat dekat — Doktrin Radd.

*Perkara Mutchilim alias Ashrhin, si mati Haji Mawar* lwn. *Peguam Negara* Tan Ah Tah H. 11

— Sama ada kaedah bahawa seorang yang bukan Islam tidak boleh mendapat pusaka mengikut undang-undang Islam terpakai dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu — Enakmen Pembahagian Harta (Cap. 71), s. 2 — Cara menetapkan Undang-undang Islam

*Perkara Harta Pusaka Timah binti Abdullah; Pentadbir Resmi F.M.S.* lwn. *Magari Mohihiko & Lain-lain & Negeri Pahang* Gordon-Smith H. 9

— Taraf wasiat yang mengikat harta pusaka untuk jangka masa selama 10 tahun.

*Saeda binti Abubakar & Malek bin Haji Mohamed Yusup* lwn. *Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamed Yusup & Usman bin Haji Mohamed Yusup* Innes, Pemangku K.P.K. 8

— Undang-undang Negeri atau Undang-undang asing — Pengiktirafan Undang-undang Negeri — Keterangan lisan mengenai Undang-undang Negeri — Sama ada boleh diterima — Harta syarikat — Harta sepencarian.

*Ramah binti Ta'at* lwn. *Laton binti Malim Sutan* M.R.N.B. 1

— Wakaf Khas — Keesahan mengenainya — Enakmen Mengesahkan Wakaf Orang-Orang Islam, 1972 — Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Trengganu 1955, s. 61.

*Haji Embong bin Ibrahim & Lain-lain* lwn. *Tengku Nik Maimunah binti Almarhum Sultan Zainal Abidin & Seorang lagi* M.P. 21

*WASIAT* — Lihat Undang-Undang Islam.

## SINGAKATAN KATA

H. = Hakim
H.B. = Hakim Besar
H.P. = Hakim Persekutuan
K.H.N. = Ketua Hakim Negara
K.P.K. = Ketua Pesuruhjaya Kehakiman
M.P. = Mahkamah Persekutuan
P.K. = Pesuruhjaya Kehakiman